

DBKL siasat pegawainya kasari peniaga

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap pegawainya yang didapati menjalankan operasi secara kasar ke atas peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen dengan tidak beramahmukarr pengenalan diri.

Banggarah Kosmo! dan Penguat Kuasa (PK) Roslan Abdill Rahman berkata, mereka akan menyiasat lebih dulu dakwaan seorang peniaga telefon bimbit di Jalan Brunei, di sini mengenai seorang penguat kuasa DBKL yang tiba-tiba merampas barang di premisnya tanpa berpakaian se-

Berdangan dirampas, 'penguat kuasa' DBKL berpakaian preman

Peniaga keliru buat laporan polis



KERATAN Kosmo! semalam.

ragam dan pengenalan penguat kuasa.

"Kami tidak menolak kemungkin-

nan bahawa ada pegawai kami bertindak sedemikian dan kami akan siasat dulu.

"Sekiranya benar seperti yang didakwa, kami akan ambil tindakan," jelasnya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Justeru itu beliau berkata, sekiranya pihak berkuasa berkenaan menjalankan operasi ke sesuatu tempat, pihaknya akan memastि

kan setiap pegawai yang bertugas lengkap berpakaian seragam melainkan jika mempunyai strategi dan agenda tertentu.

"Ia untuk mengelakkan daripada orang bersalah melarikan diri apabila nampak pihak penguat kuasa datang, sebab itu kalau kita nak atur strategi, kita tak boleh pakai pakaian seragam," ujarnya.

Semalam, Kosmo! melaporkan mengenai para peniaga di Jalan Brunei di sini keliru dan meragui akan kehadiran beberapa orang lelaki yang mengaku 'penguat kuasa' yang mundar-mandir di kawasan itu tanpa berpakaian seragam.

Malah lebih teruk, 'penguat ku-

sa' itu berani membawa barang-jualan milik peniaga di situ dan tidak menunjukkan pengenalan diri. Sebaliknya mengelakkan gari sekiranya peniaga tersebut berjandak melawan.

Selain itu, mengenai bayangan yang dirampas yang didapati 'hilang', Rolan menambah, pihaknya tidak boleh memberi sebarang komen sehingga siasatan mengenainya selesai.

"Biasanya barang yang disita ketika kami menjalankan operasi akan diletakkan di bahagian stor-sitaan DBKL. Kalau hilang dalam simpanan kami, kami akan siasat dan ambil tindakan," katanya.

